

## PERSIDANGAN MEJA BULAT

### UMUR BELIA 30 TAHUN :

## PENERIMAAN DAN PERSEDIAAN MAJLIS BELIA MALAYSIA

### **PENGENALAN**

Majlis Belia Malaysia menurut Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007

### **Badan induk pertubuhan belia di peringkat kebangsaan**

#### **Seksyen 49**

(1) Majlis Belia Malaysia ialah badan induk pertubuhan belia di peringkat kebangsaan yang menggabungkan dan menyelaraskan semua pertubuhan belia yang bergabung dengannya.

(2) Objektif badan induk pertubuhan belia di peringkat kebangsaan ialah –

(a) menggalakkan dan mendorong pertubuhan belia supaya memainkan peranan yang positif dan berkesan kepada masyarakat dan negara;

(b) merangsang dan mewujudkan perhubungan, kerjasama, persefahaman dan persahabatan antara pertubuhan belia dengan belia atau dengan pertubuhan belia antarabangsa;

(c) menggalakkan kemajuan pertubuhan belia yang seimbang dalam pelbagai bidang; dan

(d) memupuk sikap bertanggungjawab, semangat patriotisme dan kesukarelawanan di kalangan pertubuhan belia.

### **Fungsi badan induk pertubuhan belia di peringkat kebangsaan**

#### **Seksyen 50**

Fungsi badan induk pertubuhan belia di peringkat kebangsaan ialah –

(a) untuk menyalurkan suara belia kepada kerajaan;

(b) untuk bekerjasama dengan kerajaan dalam menjalankan program dan aktiviti yang berkaitan dengan pembangunan belia daripada aspek pendidikan, penyelidikan dan pembangunan sumber manusia; dan

(c) untuk melaksanakan apa-apa fungsi lain di bawah Akta ini.

## **KEAHLIAN**

### **Badan Gabungan**

1. ANGKATAN BELIA ISLAM MALAYSIA
2. BRIGED PUTERA MALAYSIA
3. BRIGED PUTERI MALAYSIA
4. GABUNGAN PELAJAR MELAYU SEMENANJUNG MALAYSIA
5. GERAKAN BELIA 4B MALAYSIA
6. GERAKAN BELIA BERSATU MALAYSIA
7. MAJLIS BELIA FELDA MALAYSIA
8. MAJLIS BELIA HINDU MALAYSIA
9. MAJLIS KELAB BELL BELIA TAMIL MALAYSIA
10. PERGERAKAN PEMUDA MALAYSIA
11. PERGERAKAN PUTERI ISLAM MALAYSIA
12. PERSATUAN ASRAMA BELIA MALAYSIA
13. PERSATUAN BELIA BUDDHIST MALAYSIA
14. PERSATUAN KEBANGSAAN PELAJAR ISLAM MALAYSIA
15. PERSATUAN PANDU PUTERI MALAYSIA
16. PERSAUDARAAN BELIA METHODIST MALAYSIA
17. PERSEKUTUAN PENGAKAP MALAYSIA
18. PERTUBUHAN BELIA KEBANGSAAN BERSATU SARAWAK
19. ST. JOHN AMBULANS MALAYSIA
20. MAJLIS BELIA NEGERI PERLIS
21. MAJLIS BELIA NEGERI KEDAH
22. MAJLIS BELIA NEGERI PULAU PINANG

23. MAJLIS BELIA NEGERI PERAK
24. MAJLIS BELIA NEGERI SELANGOR
25. MAJLIS BELIA NEGERI NEGERI SEMBILAN
26. MAJLIS GABUNGAN BELIA MELAKA
27. MAJLIS BELIA NEGERI JOHOR
28. MAJLIS BELIA NEGERI PAHANG
29. MAJLIS BELIA NEGERI TERENGGANU
30. MAJLIS BELIA NEGERI KELANTAN
31. MAJLIS BELIA WILAYAH PERSEKUTUAN
32. MAJLIS BELIA SABAH
33. PERSATUAN KELAB-KELAB BELIA MALAYSIA
34. PERGERAKAN BELIA INDIA MUSLIM MALAYSIA
35. MAJLIS BELIA INDIA MALAYSIA
36. JUNIOR CHAMBER INTERNATIONAL MALAYSIA
37. PERSATUAN BELIA XIANG LIAN MALAYSIA

**Badan Gabungan Bersekutu**

38. PERSATUAN BELIA SIKH MALAYSIA
39. MAJLIS BELIA FELCRA MALAYSIA
40. MAJLIS BELIA ORANG ASLI MALAYSIA

**Jumlah Sebahagian Keahlian Badan Gabungan MBM**

- |  |                |
|--|----------------|
| 1. Gerakan Belia 4B Malaysia                       | - 23,719 Ahli  |
| 2. Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM)            | - 64, 171 Ahli |
| 3. Briged Puteri Malaysia                          | - 9,745 Ahli   |
| 4. Persatuan Belia Buddhist Malaysia               | - 97,192 Ahli  |
| 5. Gerakan Belia Bersatu Malaysia (GBBM)           | - 261,723 Ahli |
| 6. Pergerakan Belia India Muslim Malaysia (GEPIMA) | - 15,000 Ahli  |
| 7. Junior Chamber International Malaysia (JCIM)    | - 12,494 Ahli  |

|   |                |
|---|----------------|
| 8. Persatuan Kelab-Kelab Belia Malaysia (MAYC)  | - 41,000 Ahli  |
| 9. Majlis Belia Negeri Kedah                    | - 112,209 Ahli |
| 10. Majlis Belia Kelantan                       | - 12,600 Ahli  |
| 11. Majlis Belia Negeri Pahang                  | - 35,000 Ahli  |
| 12. Majlis Belia Negeri Perak                   | - 221,939 Ahli |
| 13. Majlis Belia Negeri Pulau Pinang            | - 105,600 Ahli |
| 14. Majlis Belia Negeri Negeri Sembilan         | - 472 500 Ahli |
| 15. Majlis Belia India Malaysia (MIYC)          | - 2081 Ahli    |
| 16. Persatuan Asrama Belia Malaysia (MYHA)      | - 11,500 Ahli  |
| 17. Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia | - 5,193 Ahli   |
| 18. Persatuan Belia Xiang Lian Malaysia         | - 19,193 Ahli  |

#### **PENGALAMAN PENURUNAN HAD UMUR BELIA DARI 40 KE 30 TAHUN**

Rabu 03/07/2019 Dewan Rakyat meluluskan Rang Undang-Undang (RUU) Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia (Pindaan) 2019 (Akta 668).

Selain menurunkan had umur, pindaan lain membabitkan peruntukan tempoh pemegang jawatan dalam sesuatu pertubuhan iaitu tidak kurang daripada 18 tahun dan tidak melebihi 30 tahun pada tarikh pelantikannya.

Namun Kedah melalui siaran berita 09/07/2019, Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan, Pelancongan, Seni dan Budaya, Pembangunan Keusahawanan negeri, Asmirul Anuar Aris berkata "Kita akan sahut apa yang diputuskan kerajaan Persekutuan, tetapi di Kedah setakat ini masih kekal usia 40 tahun untuk belia sebelum kita mungkin turunkan kepada 35 pada tahun depan dan 30 tahun pada 2021".

Johor lebih unik. Pada 08/07/2019 Menteri Besar, Datuk Dr Sahrudin Jamal, berkata kerajaan negeri menghormati pandangan dan keputusan Kerajaan Persekutuan dalam membuat keputusan pelaksanaan Rang Undang-undang (RUU) Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia (Pindaan) 2019 (Akta 688). Katanya, Johor bagaimanapun masih mentakrifkan definisi belia dari umur 15 hingga 40 tahun.

“Pada umur 40 tahun, mereka adalah kelompok yang strategik untuk membina karakter kepimpinan dalam berjuang dan mengetengahkan isu semasa yang berbangkit.

Namun pada 09/07/2019 seperti dilaporkan oleh MalaysiaKini, Kerajaan Johor membuat pusingan U dengan menerima pindaan had umur belia daripada 40 kepada 30 tahun.

Exco Belia dan Sukan negeri Sheikh Umar Bagharib Ali berkata demikian dalam kenyataan - sehari selepas Pejabat Menteri Besar Johor mengumumkan pengekalan had umur 40 tahun semalam.

“Berhubung pindaan rang undang-undang Akta Pertubuhan Belia Dan Pembangunan Belia 2007 Akta 668 yang telah diputuskan oleh jemaah menteri kabinet kerajaan persekutuan dan konsensus bersama oleh Majlis Tertinggi Pakatan Harapan, kerajaan negeri Johor menerima baik pindaan umur belia 15-30 tahun ini, selaras dengan keputusan yang dibuat,” katanya.

Hanya selepas lapan jam menerima pindaan umur belia 15 hingga 30 tahun, kerajaan Johor membuat kejutan apabila mengekalkan semula semula had umur belia di negeri ini kepada 40 tahun.

Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi Johor, Sheikh Umar Bagharib Ali, berkata pengekalan had umur belia negeri ini kepada 40 tahun dibuat selepas selepas perbincangan lanjut dan atas nasihat beberapa pihak.

Sepertimana laporan Metro pada 06/07/2019, Kerajaan Selangor menetapkan untuk mengekalkan had umur golongan belia sehingga 40 tahun bagi setiap program pembangunan di negeri itu.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pembangunan Generasi Muda, Sukan dan Pembangunan Modal Insan Negeri, Mohd Khairuddin Othman berkata, ini berikutan sebahagian golongan belia di Selangor yang berumur 30 tahun ke atas masih aktif dalam aktiviti sukan dan program 'outdoor'.

Mohd Khairuddin berkata ia juga selaras dengan inisiatif diwujudkan kerajaan negeri kepada belia seperti Insentif Perkahwinan Belia yang ditawarkan kepada mereka berumur sehingga 40 tahun.

"Kita turut bertemu beberapa orang belia di lapangan dan mereka berpandangan, umur 30 tahun adalah terlalu cepat habis zaman belia.

**KRONOLOGI  
ISU HAD UMUR BELIA**

| <b>TARIKH</b> | <b>PERKARA</b>   |
|---------------|--|
| 15 Mei 2019   | Menteri Belia dan Sukan, YB Syed Saddiq mengumumkan pada Sambutan Hari Belia Negara dimana beliau bersetuju untuk menetapkan had umur belia kepada 15-35 tahun.  |
| 2 Julai 2019  | YB Menteri telah mengadakan taklimat pindaan RUU 668 kepada Ahli Parlimen di Parlimen Malaysia tanpa makluman kepada Majlis Belia Malaysia (MBM)   |
| 3 Julai 2019  | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Bacaan rang undang-undang penggubalan Akta 668 Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia dibaca di Parlimen.</li> <li>• Pihak Majlis Belia Malaysia (MBM) tidak diberikan sebarang makluman berkenaan bacaan ini.</li> <li>• Menteri mengumumkan parlimen meluluskan pindaan rang undang-undang had umur belia dari 40 kepada 30 tahun.</li> <li>• MBM mengadakan Sidang Media berserta serahan memorandum bantahan pindaan RUU 668 kepada Perdana Menteri di Parlimen melalui serahan kepada Setiausaha Politik YB Menteri KBS.</li> <li>• Kenyataan media bantahan kepada pindaan RUU 668 dikeluarkan oleh;               <ul style="list-style-type: none"> <li>a) badan gabungan MBM;                   <ul style="list-style-type: none"> <li>i. GPMS</li> <li>ii. MAYC</li> <li>iii. MBN Johor</li> <li>iv. Gerakan Belia 4B Malaysia</li> <li>v. Majlis Belia Sabah</li> <li>vi. Majlis Gabungan Belia Melaka</li> <li>vii. ABIM</li> <li>viii. Majlis Belia Negeri Perlis</li> <li>ix. Majlis Belia Negeri Terengganu</li> <li>x. Majlis Belia Wilayah Persekutuan</li> </ul> </li> <li>b) Organisasi                   <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Eight Major Chinese Youth Organisation (EMCO)</li> <li>ii. Persatuan Tunas Usahawan Nasional (PERTUNAS)</li> </ul> </li> </ul> </li> </ul> |
| 5 Julai 2019  | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pertubuhan Pemuda GEMA mengeluarkan kenyataan media menyokong had umur belia 15-35 tahun.</li> </ul>  |
| 6 Julai 2019  | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kerajaan Negeri Selangor dan Sarawak mengeluarkan kenyataan mengekalkan had umur belia 15-40 tahun</li> </ul>   |
| 7 Julai 2019  | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kerajaan Negeri Perlis mengekalkan had umur belia 15-40 tahun</li> </ul>  |
| 8 Julai 2019  | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Mesyuarat Dewan Tertinggi Khas MBM diadakan bagi membincangkan isu ini</li> <li>• Sidang media dibuat di pejabat MBM bagi mendesak pertemuan dapat diadakan bersama Menteri KBS dalam tempoh dua hari.</li> </ul>   |

|               |  |
|---------------|--|
| 9 Julai 2019  | <ul style="list-style-type: none"><li>• Kementerian Pembangunan Usahawan tidak berhasrat menukar takrifan had umur baru belia.</li><li>• Kerajaan Negeri Kedah mengeluarkan kenyataan mengekalkan had umur belia 15-40 tahun</li></ul> |
| 10 Julai 2019 | <ul style="list-style-type: none"><li>• Kerajaan Negeri Pahang mengeluarkan kenyataan mengekalkan had umur belia 15-40 tahun</li></ul>   |
| 11 Julai 2019 | <ul style="list-style-type: none"><li>• Kerajaan Negeri Kelantan bersetuju dengan pindaan RUU 668 dengan bersyarat.</li></ul>  |
| 15 Julai 2019 | <ul style="list-style-type: none"><li>• Kerajaan Negeri Johor membuat penetapan mengekalkan had umur belia 15-40 tahun</li></ul>   |



## MBM: Had umur belia patutnya 35, bukan 30

News MalaysiaKini | Diterbitkan 3 Jul 2019, 12:22 tengahari | Dikemaskini 3 Jul 2019, 12:22 tengahari



Majlis Belia Malaysia (MBM) mempertikaikan keputusan kerajaan untuk mengurangkan had umur maksimum yang ditakrifkan sebagai 'belia' kepada 30, dan bukannya 35 yang diterima oleh semua badan gabungannya.

Presiden MBM, Jufitri Joha berkata had umur maksimum 35 telah diterima oleh semua pihak termasuk dipersetujui oleh Menteri Belia dan Sukan Syed Saddiq Syed Abdul Rahman.

Syed Saddiq, anggota jemaah menteri paling muda pada usia 26 tahun, baru-baru ini mahu membuat pindaan ke atas Akta Belia dan Pembangunan Belia 2007 (Akta 668) di Dewan Rakyat bagi mentakrifkan definisi belia kepada mereka yang berumur 30 tahun dan ke bawah.

Ketika ini, Seksyen 2 akta itu mentakrifkan belia sebagai mereka yang tidak kurang daripada 15 tahun dan tidak lebih 40.

“Solusi transisi perubahan had umur yang lebih disenangi dan diterima oleh semua pihak telah pun diberikan MBM yang dipersetujui oleh menteri sendiri ketika ucapan Hari Belia Negara 2019 di UKM iaitu 15-35 tahun,” kata Jufitri dalam satu kenyataan.

Justeru, beliau melahirkan kekesalannya kerana menteri itu gagal mendapatkan persetujuan MBM sebagai "parti yang terjejas" sedangkan apabila diluluskan mereka adalah pihak yang bakal terkesan langsung dengan pindaan berkenaan.

“Paling penting had umur 15-35 tahun adalah bagi memastikan transisi kepimpinan berlaku secara sukarela, lancar dan tidak menyebabkan lebih banyak pertubuhan belia di akar umbi mati kerana ia melibatkan soal memimpin dan mengurus.

“Sebahagian pertubuhan belia yang telah bersedia telah pun menyahut seruan memberikan laluan kepada kepimpinan di bawah 30 tahun. Ia dilihat berkesan dan harmoni apabila ia dilakukan secara sukarela berbanding dipaksa-paksa melalui undang-undang,” katanya.

Justeru, Jufitri, MBM akan menghantar memoradum khas bagi merayu sambil menggesa pihak kerajaan khususnya kementerian belia berhubung perkara itu.

## Majlis Belia bantah turun had umur belia 03 JULY 2019



**KUALA LUMPUR:** Majlis Belia Malaysia (MBM) hari ini membantah Rang Undang (RUU) Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007 atau Akta 668 pindaan 2019 untuk menurunkan had umur belia 15 hingga 30 tahun.

Presidennya, Jufitri Joha berkata, pihaknya kesal dengan pindaan itu dibuat tanpa persetujuan terakhir bersama MBM selaku pihak yang bakal terkesan langsung dengan pindaan ini khususnya berkaitan pindaan had umur belia.

Katanya, solusi transisi perubahan had umur yang disenangi dan diterima oleh semua pihak telah diberikan MBM yang dipersetujui oleh Menteri sendiri ketika ucapan Hari Belia Negara 2019 di UKM iaitu 15 hingga 35 tahun.

"Had umur 15 hingga 35 tahun solusi terbaik dan munasabah yang diterima oleh semua badan gabungan MBM untuk dilaksanakan.

"MBM dan badan gabungan bersetuju untuk 'all out' berkempen secara besar besaran memberikan laluan dan ruang seluas-luasnya memimpin pertubuhan belia di bawah 30 tahun," ujarnya.

Paling penting had umur 15 hingga 35 tahun bagi memastikan transisi kepimpinan berlaku secara sukarela, lancar dan tidak menyebabkan pertubuhan belia di akar umbi mati kerana melibatkan soal memimpin.

Tambah beliau, kali terakhir MBM dan KBS bermesyuarat berkenaan hal ehwal ini adalah pada 16 April 2019 namun belum dimuktamadkan dan masih belum mencapai apa-apa persetujuan bersama.

Katanya, sewajarnya deraf terakhir pindaan Akta 668 dibentangkan secara rasmi kepada pimpinan MBM untuk persetujuan terakhir bersama sebagaimana yang dilakukan oleh Menteri Belia kepada ahli-ahli Parlimen. – **HARAKHADAILY**  
**3/7/2019**



MYKMU.NET

Demi Islam, Untuk Melayu, Kerana mu Malaysia



## Saya Terkilan, Majlis Belia Malaysia (MBM) Bantah Turun Had Umur Belia

July 4, 2019 Sofea Amelia

KUALA LUMPUR 3 Julai – Majlis Belia Malaysia (MBM) berasa kesal terhadap Kementerian Belia dan Sukan apabila pindaan berkenaan Rang Undang Undang (RUU) Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007 atau Akta 668 pindaan 2019, dibuat tanpa persetujuan terakhir dengan pihaknya.

Presidennya, Jufitri Joha berkata, selaku rakan strategik utama kementerian itu, pihaknya amat terkilan dengan tindakan yang bakal memberi kesan langsung kepada persatuan tersebut khususnya berkaitan pindaan had umur belia.

Beliau berkata, kali terakhir MBM dan KBS bermesyuarat tentang perkara itu adalah pada 16 April lalu, namun belum dimuktamadkan dan masih belum mencapai apa-apa persetujuan bersama.

“Saya hanya mengetahui tentang pindaan ini ketika hari kedua saya menghadiri International Forum Development of Parliamentarism di Moscow iaitu pada 1 Julai lalu ketika hari sama pindaan RUU Akta 668 dibentangkan.

“Tiada sebarang makluman daripada pihak kementerian kepada saya sehingga hari ini. Saya hanya mengetahui melalui mesej rakan pimpinan MBM lain. Sekurang-kurangnya draf terakhir pindaan Akta 668 dibentangkan secara rasmi kepada pimpinan

MBM untuk persetujuan terakhir bersama, sebagaimana dilakukan oleh menterinya kepada ahli-ahli Parlimen,” katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

MBM bersama pertubuhan bukan kerajaan (NGO) lain tanpa sebarang kepentingan dan agenda tersembunyi telah menghantar memorandum khas di Parlimen hari ini bagi merayu pihak KBS menyemak semula RUU tersebut supaya mendapat persetujuan bersama pihaknya.

Mengulas lanjut, Jufitri berkata, solusi transisi perubahan had umur yang lebih disenangi dan diterima oleh semua pihak telah diberikan MBM yang dipersetujui menterinya, Syed Saddiq Syed Abdul Rahman sendiri ketika beliau menyampaikan ucapan semasa Hari Belia Negara 2019 iaitu 15 hingga 35 tahun.


Jelasnya, had umur itu adalah munasabah yang diterima oleh semua pertubuhan gabungan MBM untuk dilaksanakan sebelum langkah seterusnya berkempen secara besar-besaran bagi memberikan laluan kepada belia di bawah 30 tahun untuk diberikan ruang seluas-luasnya memimpin pertubuhan belia termasuk MBM.

“Paling penting had umur itu adalah bagi memastikan transisi kepemimpinan berlaku secara sukarela, lancar dan tidak menyebabkan lebih banyak pertubuhan belia di akar umbi mati kerana melibatkan soal memimpin dan mengurus.

“Sebahagian pertubuhan belia yang bersedia telah pun menyahut seruan memberikan laluan kepada kepemimpinan di bawah 30 tahun. Ia dilihat berkesan dan harmoni apabila dilakukan secara sukarela berbanding dipaksa-paksa melalui undang-undang.”  
tegasnya. -UTUSAN ONLINE

Nothing To Hide

## MBM terima perang menteri bantah had umur belia



PRESIDEN Majlis Belia Malaysia (MBM) meluahkan kekesalan dan terkejut dengan kesan yang diterima pihaknya selepas membantah isu had umur belia.

Julfitri Joha menjelaskan tindakan MBM membantah umur belia daripada 40 tahun ke 30 tahun menyebabkan pihaknya menerima perang habis-habisan daripada pihak menteri.

“MBM amat terkejut kerana menerima pantulan kesan yang luar biasa termasuk diperlakukan seperti pihak menteri yang melancarkan perang kepada kami.

“Kami masih sedia berunding walaupun dinafikan hak kerana ‘life is not complicated, people are’.

“MBM mahu peralihan had umur dilakukan secara sukarela.

“Sebahagian besar pergerakan belia telah pun dilakukan secara sukarela bagi memberi laluan kepada pemimpin belia di bawah 30 tahun.

“Namun had umur 35 tahun adalah sebagai ‘masa kecederaan’ bagi yang menghadapi kesukaran mencari pelapis dan bagi yang dianggap ‘late bloomer’,” katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata bahawa MBM mahu bersama menjayakan agenda peremajaan pergerakan belia namun, tidak mahu ia dilaksanakan secara terburu-buru dan perlu mengikut saluran undang-undang.

“Seperti kata-kata pepatah ‘legal maxim’ iaitu sesiapa yang terburu-buru melakukan sesuatu sebelum sampai masanya, maka akan dihukum dengan tidak mendapat hasilnya.

“Namun yang paling penting kami juga tidak mahu perubahan had umur ini menjadi agenda politik sempit untuk menghukum kelompok-kelompok tertentu akibat dendam dan amarah.

“Sebaliknya peranan kita di dalam Malaysia baharu ini kita seharusnya memaafkan dan merapatkan saf sebanyak mungkin kelompok anak muda,” katanya. – 20 Ogos 2019

---



## Had umur belia, bakal nafikan hak usahawan muda – Pertunas

Posted by: syazwan in Akhbar July 5, 2019 0 144 Views

KUALA TERENGGANU 5 Julai – Kerajaan digesa mengkaji semula Rang Undang-undang (RUU) untuk menurunkan had umur belia dan anggota pertubuhan belia daripada 40 tahun kepada 30 tahun kerana ia bakal menafikan hak usahawan muda di negara ini terutama kalangan mereka yang baharu memulakan perniagaan.

Setiausaha Agung Persatuan Tunas Usahawan Nasional (Pertunas), Nurliana Muhammad berkata, kebanyakan program-program pembangunan kapasiti kepada usahawan muda yang disediakan oleh 17 kementerian dan lebih 64 agensi kerajaan ketika ini mengguna pakai had umur antara 18 tahun hingga 40 tahun, jadi pelaksanaan RUU itu tentunya akan menyebabkan jumlah usahawan yang layak menerima kemudahan tersebut menurun sekali gus memberi kesan kepada perniagaan belia.

“Kebanyakan perniagaan baharu yang dimulakan oleh orang muda bermula pada umur sekitar 31 hingga 35 tahun, jadi Pertunas bimbang jika RUU ini dilaksanakan golongan usahawan muda akan terpinggir daripada menerima bantuan kewangan yang mampu melonjakkan perniagaan mereka.

“Kerajaan perlu memperhalusi semula mekanisme pelaksanaan RUU itu bagi memastikan ia tidak membebankan usahawan belia dan kita juga berharap kerajaan dapat membuat kajian yang menyeluruh bagi setiap polisi yang diumumkan terutama perkara yang melibatkan perundangan, keupayaan teknologi dan persekitaran ekonomi serantau,” katanya dalam kenyataan di sini hari ini.



Di Dewan Rakyat kelmarin, Menteri Belia dan Sukan, Syed Saddiq Syed Abdul Rahman membentangkan usul menurunkan had umur belia daripada 40 kepada 30 tahun di samping pindaan lain membabitkan peruntukan tempoh pemegang jawatan dalam sesuatu pertubuhan iaitu tidak lebih empat tahun atau bersamaan dua penggal.

Sementara itu, Nurliana berkata, pelbagai program telah diperkenalkan oleh kerajaan melalui pelbagai dana dan program bersesuaian kepada usahawan belia termasuk Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE) di bawah SME Corp. Malaysia di samping Dana Usahawan Muda (YEF) dan Tabung Usahawan Siswazah (TUS) oleh SME Bank manakala Prosper Usahawan Muda di bawah Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB).

Katanya, bidang keusahawanan sememangnya diiktiraf sebagai antara bidang yang mampu memberikan pulangan yang lumayan dan namun ia masih lagi di peringkat permulaan di negara ini dengan penglibatan golongan belia yang menjadikannya sebagai kerjaya dilihat masih sedikit.

“Usaha dan sokongan kerajaan amatlah penting bagi menggalakkan golongan belia terutama Bumiputera untuk menceburi bidang keusahawanan dan jika RUU itu dilaksanakan secara drastik, Pertunas percaya matlamat tersebut akan terbantut,” katanya. – UTUSAN ONLINE



11 Julai 2019

## Syed Saddiq jangan campur urusan Johor: MBNJ



Md Salleheen Mohamad

JOHOR BAHRU - Majlis Belia Negeri Johor (MBNJ) bertegas sejak dahulu lagi bahawa menghadkan umur belia kepada 30 tahun menghalang perkembangan potensi diri belia.

Presidennya, Md Salleheen Mohamad berkata, belia dalam lingkungan umur itu paling banyak terlibat dengan agenda pembangunan belia.

"MBNJ ingin menasihatkan Menteri Belia dan Sukan Syed Saddiq Syed Abd Rahman agar tidak mencampuri urusan pentadbiran negeri Johor.

"Negeri Johor mempunyai Menteri Besar, barisan Exco, pegawai tadbir negeri dan badan induk belia yang sentiasa rapat dengan golongan muda ini dan berupaya menentukan jatuh bangunnya belia di negeri Johor.

"Jadi, tidak usahlah Yang Berhormat Menteri terlalu mengganggu tugas Tun Dr Mahathir Mohamad yang mempunyai tugas lebih utama terhadap negara," katanya dalam satu kenyataan, di sini, hari ini.

Md Salleheen berkata, adalah lebih baik untuk Menteri Belia dan Sukan mengutamakan isu lain yang lebih mendesak.

"Ini termasuklah seperti janji tidak tertunai terhadap golongan muda seperti isu Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), peluang pekerjaan yang mana terutama 400,000 pekerja Malaysia yang bekerja di Singapura, kos sara hidup, perumahan pasangan muda dan sebagainya," katanya.

Beliau berkata, pihaknya mengambil maklum segala perkembangan yang berkaitan dengan belia di negeri Johor.

"Keputusan yang dibuat oleh kerajaan negeri di dalam 48 jam kebelakangan ini menimbulkan keresahan dan kegelisahan di kalangan belia di seluruh negeri Johor," katanya.

## **KOMITMEN MBM**

- Sesi penerangan dan turun padang kepada badan-badan gabungan;
- Kursus kepimpinan bersama KBS;
- Advokasi bersama pelajar sekolah dan mahasiswa.

## **HASRAT MBM**

- Supaya dana khas dapat disalurkan bagi tujuan advokasi kepada ahli, pelajar dan mahasiswa;
- Meneruskan bantuan pentadbiran kepada MBM, MBN dan MBD.